

TARIKH : 9 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 29

## Subsidi minyak bersasar dijangka pertengahan 2023

# Subsidi minyak bersasar dijangka pertengahan 2023



**Mekanisme pelaksanaan terutama harga RON95 akan dibuat secara terukur**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Pelaksanaan subsidi bahan api secara tersusun dan bersasar terutama bagi RON95, jika ia dilaksanakan mengikut jangkaan iaitu separuh kedua tahun depan, akan memberi peningkatan kecil bagi inflasi secara keseluruhan, demikian kata penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi ASEAN dan Asia Selatan Standard Chartered Bank (Singapore) Ltd, Edward Lee, berkata pihaknya yakin perubahan dalam mekanisme subsidi terutama harga RON95 akan dibuat secara ter-

ukur dan bersasar.

"Jika hanya 20 peratus daripada pengguna RON95 disasarkan, Indeks Harga Pengguna (IHP) keseluruhan mungkin hanya meningkat sebanyak 1.3 peratus atau separuh daripada itu jika harga baharu diperkenalkan pada separuh kedua 2023," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz, sebelum ini berkata terlalu awal untuk membuat keputusan pelaksanaan subsidi bersasar, yang mana keputusan itu hanya bo-

leh dilakukan sekiranya situasi ekonomi semakin pulih dan inflasi terkawal.

Kerajaan ketika ini menanggung subsidi ayam, telur dan elektrik termasuk kawalan harga bahan api RON95 serta diesel.

### Pemulihan berterusan

Sementara itu, Lee berkata, dengan pemulihan pertumbuhan dijangka berterusan pada suku tahun depan, tekanan inflasi mungkin kekal utuh.

Beliau berkata, walaupun IHP keseluruhan berkurangan

“BNM mungkin berhenti sebentar (kenaikan kadar) dan mungkin hanya meningkat semula sebanyak 25 mata asas pada Mei sekali lagi sebaik saja butiran perubahan subsidi dimaklumkan”

Edward Lee, Ketua Ahli Ekonomi ASEAN dan Asia Selatan Standard Chartered Bank (Singapore) Ltd



kepada 4.5 peratus pada September berbanding 4.7 peratus pada Ogos, ia masih berada pada paras tinggi.

"Menuju ke hadapan, prospek pertumbuhan global yang lemah mungkin mengakibatkan permintaan luaran menyederhana untuk sektor berorientasikan luar Malaysia.

"Namun begitu, Malaysia boleh menikmati dorongan daripada pembukaan semula sempadan antarabangsa. Ketibaan pelancong kembali kepada 50 peratus paras pra-COVID (sehingga Julai 2022), dengan ruang yang besar untuk pulih.

"Sementara itu, permintaan dalam negeri mungkin terus menyokong pertumbuhan pada suku tahunan ke depan," katanya.

Lee juga berkata, pihaknya juga memantau secara rapat perkembangan gaji dengan gaji dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan me-

ningkat susulan pemulihan ekonomi.

Namun beliau berkata, gaji perkhidmatan didapati berbeza apabila dilihat dari segi sejarah jangka panjangnya.

"Ia hanya pulih dan masih di bawah paras trend pertumbuhan jangka sederhana.

"Oleh itu, kami berpendapat terdapat ruang untuk Bank Negara Malaysia (BNM) meneruskan kitaran kenaikan kadar kepada sekurang-kurangnya kembali ke paras 3.0 peratus.

"Bagaimanapun, kami berpendapat BNM mungkin berhenti sebentar (kenaikan kadar) dan mungkin hanya meningkat semula sebanyak 25 mata asas pada Mei sekali lagi sebaik saja butiran perubahan subsidi dimaklumkan," katanya.

Standard Chartered Bank masih kekal dengan pandangan bahawa keberangkalian adalah kekal rendah bagi kenaikan sebanyak 50 mata asas.